

UMP perlu muncul sebagai pusat pengajian terunggul

Sinar

Lebih laporan
Nasional &
Global
setiap hari

Universiti ini juga seharusnya mempunyai daya saing dan keinginan yang tinggi untuk bersaing di peringkat global

■ NIK MOHAMMAD SUKRY RAMLI

GARIS panduan seperti yang terkandung dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara dan Misi Nasional yang dilancarkan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi baru-baru ini seharusnya menjadi penyuntik semangat kepada warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk muncul sebagai salah sebuah pusat pengajian yang unggul di Malaysia.

Canselor UMP, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah bertitah graduan UMP juga diharap akan memberikan impak besar dan berperanan secara aktif dan konstruktif dalam memajukan Wilayah Pembangunan Pantai Timur (ECER) kelak.

Titahnya lagi, sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam yang berhasrat untuk menjadi sebuah pusat pengajian teknikal bertaraf dunia, UMP seharusnya mempunyai daya saing dan keinginan yang tinggi untuk bersaing di peringkat global.

"Fungsi universiti yang dahulunya lebih kepada tempat melahirkan individu berpengetahuan agak kurang sesuai dengan suasana sekarang. Universiti bukannya tempat untuk melahirkan seorang robot tetapi lebih penting dapat menghasilkan manusia yang kemudiannya muncul sebagai modal insan yang berkualiti dan mempunyai minda kelas pertama," titahnya ketika merasmikan Majlis Konvokesyen ke-2 UMP di Dewan Jubli Perak, semalam.

Universiti kini bukan lagi satu tempat eksklusif untuk golongan tertentu kerana pelbagai polisi dan bantuan telah diperkenalkan oleh kerajaan khusus untuk memastikan proses memperoleh ilmu pengetahuan lebih terbuka kepada semua rakyat.



Tengku Abdullah bergambar bersama pentadbir UMP dan penerima anugerah sempena konvokesyen kali ke-2 UMP.

da semua rakyat.

Tengku Abdullah turut menyeru kepada graduan yang berjaya memperoleh diploma dan ijazah terus menyumbang kepada masyarakat dan tidak melupakan jasa dan pengorbanan ibu bapa mereka.

"Tanpa ibu bapa yang sentiasa menyokong dan

memberikan perangsang, pastinya semua graduan yang berjaya seperti yang kita lihat hari ini tidak dapat pergi jauh. Dengan keizinan dan restu mereka juga akan memberikan keberkatan untuk berhadapan dengan cabaran dalam hidup mereka," ka-

tanya.

“ Tanpa ibu bapa yang sentiasa menyokong dan memberikan perangsang, pastinya semua graduan yang berjaya seperti yang dapat kita lihat hari ini tidak akan dapat pergi jauh. Dengan keizinan dan restu mereka juga akan memberikan keberkatan untuk berhadapan dengan cabaran dalam hidup mereka.”

■ Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah